

VOL. 1 | 2018



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KOLEJ KOMUNITI
TEMERLOH

USAHA ONE

BULETIN TAHUNAN UNIT KEUSAHAWANAN KKTm



**NAFAS BARU BILIK
INKUBATOR
2018**

**K2TMHUB BAGI PELUANG PELAJAR
MENJADI USAHAWAN**

2018

**TAHUN
BERTUAH**

**KKTm ANJUR
PROGRAM HEBAT**

**LAB INKUBATOR @ESTERN REGION
2018**

ISSN 2672-7099



9 772672 709000

KANDUNGAN

USAHAONE



01
PERUTUSAN
PENGARAH



09
PROGRAM PERSONAL
BRANDING



10
LAB INKUBATOR



13
ROAD TOUR
AL-IKHSAN



11
TRANSFORMASI
K2TM HUB



12
ENTREPRENEURSHIP
CAMP

Hakcipta Terpelihara

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapatkan kebenaran bertulis.

Penerbit

Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh (KKTM)

Kolej Komuniti Temerloh,

28400 Mentakab, Pahang

Tel : 09-270 1550 Faks : 09-270 1551

VOWSKA ENTERPRISE



COLLEGE COMMUNITY INCUBATOR CLASSROOM
JUNE 2018

PERUTUSAN

PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH



SUHAIRI BIN ISMAIL
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH

Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada sidang redaksi majalah USAHAONE atas kejayaan menerbitkan majalah yang istimewa ini. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini.

Kejayaan kita merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, amat bergantung kepada usaha kita menjayakan Model Baharu Ekonomi (MBE) yang bertujuan mentransformasikan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Dalam menjayakan model ini, keusahawanan yang menjadi salah satu daripada terasnya perlu dijaya dan digerakkan agar ekonomi negara sentiasa dinamik sekaligus memperkukuhkan produktiviti negara.

Sehubungan itu, usaha yang bersepadu perlu diambil bagi menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat kita di Malaysia, terutamanya di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan termasuk di Kolej Komuniti. Dalam perkara ini, banyak kajian telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan mampu untuk mempertingkatkan kecenderungan dan minat pelajar institusi pengajian tinggi bagi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan disamping dapat menjadikan mereka lebih berdaya saing dan berdaya usaha sam ada dari segi pemikiran mahupun tingkah laku.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa majalah dan sidang redaksi majalah USAHAONE. Kepada pembaca majalah ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN ALU-ALUAN

UCAPAN ALU-ALUAN

TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH



**MOHD ZOOL FAZLEE BIN BASRI
TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

Tahun 2018 melabuhkan tirainya, dan tahun 2019 akan menanti dengan penuh peluang dan cabaran bagi buat semua warga Kolej Komuniti Temerloh amnya serta unit E-Tech Kolej Komuniti Temerloh khasnya.

Yang Berusaha Encik Suhairi Bin Ismail, Pengarah Kolej Komuniti Temerloh. Yang dihormati, Timbalan Pengarah (Pengurusan) , Ustaz Senusi Bin Lebai Ismail dan di Pegawai E-tech , Puan Rabeah binti serta warga Kolej Komuniti Temerloh.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t kerana kita masih diberi kesempatan untuk bersama meraikan buku E-tech kali ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit E-tech diatas segala aktiviti dan pencapaian yang mengharumkan nama Kolej Komuniti Temerloh .

Setelah melihat perkembangan yang pesat dalam unit E-tech ini di mana ianya kian meningkat dan maju dari semasa ke semasa. Maka amatlah besar harapan saya sekiranya dapat menyerlahkan lagi sebuah inisiatif baru mesra anggota, mencetus daya kreativiti dan inovasi yang bermutu tinggi dalam memasarkan produk E-tech mengikut keperluan dan kehendak umum seperti meluaskan lagi empayar pemasaran menerusi kerjasama erat dengan semua agensi yang terlibat termasuklah rangkaian Kedai 24 jam yang ada di Malaysia.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih yang tidak terhingga diatas sokongan padu terhadap apa jua aktiviti yang dilaksanakan oleh E-tech Kolej Komuniti Temerloh. Saya berasa sungguh teruja sekali terhadap sokongan yang ditunjukkan oleh seluruh anggota yang baik hati dan semua warga Kolej Komuniti Temerloh.

Sekian, Marilah Menuju Kejayaan.

Terima kasih.

UCAPAN ALU-ALUAN

UCAPAN ALU-ALUAN

TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH



MUHAMAD SENUSI BIN LEBAI ISMAIL TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH

Menceburkan diri dalam dunia perniagaan adalah sesuatu yang sangat digalakkan. Nabi Muhammad SAW. Adalah contoh terbaik untuk kita teladani. Semasa kecil Nabi Muhammad SAW telah menceburkan diri dalam penternakan dan semasa muda baginda menceburkan diri dalam perniagaan. Nabi juga telah bersabda bahawa 9/10 daripada rezeki itu datangnya dari perniagaan.

Dalam 10 tahun kebelakangan ini golongan muda telah mula menceburi bidang perniagaan. Ini adalah hasil galakkan daripada kerajaan supaya golongan muda perlu mengubah taraf hidup mereka dengan cara menceburi bidang ini. Hasilnya kita dapati kini, ramai usahawan muda yang telah berjaya.

Usaha unit E-tech menggalakan para pelajar menceburkan diri dalam dunia perniagaan adalah satu usaha murni yang perlu diteruskan tanpa ada rasa jemu. Hal ini kerana kebanyakan para pelajar minda mereka kurang terbuka, malu dan tidak kreatif adalah punca kepada mereka tidak mahu menceburi dalam bidang ini. Oleh itu, para pelajar perlu diberi pendedahan bagi menceburi bidang ini sehingga mereka merasa seronok dan yakin boleh menjadi peniaga yang berjaya.

Melahirkan seorang peniaga sehingga menjadi usahawan adalah salah satu daripada KPI penubuhan unit E-tech khususnya dan kolej komuniti amnya. Hal ini kerana pelajar yang tidak cemerlang dalam pendidikan bukan berarti mereka tidak boleh berjaya. Ramai mereka yang diluar sana hebat dan berjaya dalam perniagaan, bukan dari kalangan mereka yang berpendidikan tinggi. Apa yang penting kegigihan dalam melakukan suatu usaha adalah kunci kepada sebuah kejayaan. Pepatah Arab menyatakan “Man Jadda Wajada”, siapa yang berusaha dia dapat.

" KAMI KOMITED "



'PERSONAL BRANDING UNIT KEUSAHAWANAN KKTM 2018'



BILIK INKUBATOR KKTM



**RABEAH BINTI MD ZIN
PEGAWAI KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

Majalah ini diterbitkan bagi memaparkan kegiatan dan pencapaian Unit Keusahawanan KKTm bagi tahun 2018. Pada tahun 2018, pelbagai program yang berunsurkan keusahawanan telah dilaksanakan bagi menggalakkan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Temerloh menjalankan aktiviti perniagaan supaya mereka akan menjadi 'job creator' dan bukan hanya 'job seeker'.

Kepada pembaca majalah ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.



**MOHD NOOR HAFIZ BIN SAWANDI
PENYELARAS KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

Pelajar-pelajar adalah pelaburan yang paling mahal untuk masa hadapan. Untuk kita, untuk masyarakat dan negara. Kita bertanggungjawab mencorakkan masa hadapan pelajar-pelajar kita. Mendidik bukan perkara mudah. Lain pelajar, lain ragam, lain cara. Nilai keusahawanan adalah nilai yang murni dan bagus untuk diterapkan pada pelajar-pelajar sedari menjejak kolej.

Sekian. Salam puncak jaya. Insyallah.



**AMIERA SARYATI BINTI SADUN
PENYELARAS KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

Melalui keusahawanan ini turut membuka peluang pekerjaan kepada pelajar. Ianya merupakan satu profesion yang harus direbut dan dijadikan sebagai satu teras untuk mereka berjaya dalam hidup. Oleh itu pendedahan awal inilah sangat penting sama ada pendekatan dalam bentuk kurikulum, aktiviti sosial dan sebagainya.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga KKTM terus melipatgandakan usaha untuk meriah kejayaan dalam bidang keusahawanan ini.

“Selamat maju jaya”



**FARADILA BINTI YUSZANI
PENYELARAS KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**

Dalam meningkatkan dan memantapkan budaya berniaga atau keusahawanan ini maka kita perlulah berbuat sesuatu dan dimulakan diperingkat akar umbi. Antaranya melalui gabungan peranan pihak institusi, ibu bapa, persekitaran dan sokongan korporat serta masyarakat supaya budaya keusahawanan dapat disemai dalam kalangan generasi muda.

Sekian.

**NOR HAWA BINTI HARUN
PENYELARAS KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**



Alhamdulillah, berkat usaha gigih kerjasama semua pihak pengurusan, para pensyarah dan pelajar KKTM telah banyak mengalami perubahan dalam bidang keusahawanan ini. Kejayaan ini merupakan hasil usaha semua dalam mengekalkan dan meningkatkan pencapaian ini dari semasa ke semasa.

**NURUL AINI BINTI ABDUL GHANI
PENYELARAS KEUSAHAWANAN
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH**



Kita sedang berhadapan dengan situasi ekonomi global yang kian mencabar dimana usahawan perlu bersedia menghadapi segala kemungkinan dan mengambil langkah keutamaan yang sewajarnya untuk memastikan kejayaan pelajar yang menceburi keusahawanan atau perniagaan ini di masa hadapan. Hal ini bertepatan sekali dengan pendekatan yang dibawa oleh Unit E-tech itu sendiri iaitu setiap semester akan ada pelajar yang daftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) .

Sekian.

ORGANISASI

UNIT KEUSAHAWANAN KKTM
2018



'PERSONAL BRANDING UNIT KEUSAHAWANAN KKTM 2018'



Pada 23 hingga 24 November 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah mengadakan *Personal Branding For Young Entrepreneur* Tahun 2018 peringkat Kolej Komuniti Temerloh. Program tersebut dilaksanakan di The Plaza Hotel, Kuala Lumpur. Program tersebut telah disertai oleh beberapa orang pelajar Unit Keusahawanan Kolej komuniti Temerloh.

Program ini disertai oleh 20 orang pelajar Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh dan 5 orang pegawai.

'PERSONAL BRANDING UNIT KEUSAHAWANAN KKTm 2018'





Pada 12 sehingga 15 November 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah menganjurkan Lab Inkubator @Eastern Region 2018 Tahun 2018 peringkat negeri Pahang, Terengganu & Kelantan. Program tersebut dilaksanakan di Season View Hotel, Kuantan. Program tersebut telah disertai oleh 10 buah Kolej Komuniti negeri Pahang yang diwakili oleh 4 orang pelajar yang berminat dalam perniagaan bagi kolej komuniti masing-masing.

Program ini disertai oleh 80 orang pelajar Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Wilayah Timur dan 16 orang pegawai.


CREW

UNIT KEUSAHAWANAN KKTM
2018



ESHATIODIAH BINTI NORDIN
ALUMNI KKTM
SIJIL FESYEN & PAKAIAN SESI JULAI 2016





Pada 1 Julai 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah memperbaharui bilik inkubator sedia ada KKTm ke K2TMhub. K2TMhub menawarkan khidmat tempahan jahitan, mencetak dan pelbagai produk pelajar yang diletakkan bagi memberi peluang pelajar Kolej Komuniti Temerloh berniaga.

K2TMHub diuruskan oleh Unit Keusahawanan KKTm dan operasinya pula dibantu oleh alumni Program Sijil Fesyen & Pakaian iaitu Cik Syamimi Izam dan Cik Esharodiah binti Nordin.



Pada 30 September hingga 1 Oktober 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah mengadakan *Entrepreneurship Camp & Challenge Day* tahun 2018 peringkat negeri Pahang. Program tersebut telah disertai oleh 10 buah Kolej Komuniti negeri Pahang yang diwakili oleh 4 orang pelajar yang berminat dalam perniagaan bagi kolej komuniti masing-masing.



Pada 25 September 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah mengadakan Bazar Usahawan tahun 2018 peringkat Kolej Komuniti Temerloh. Program tersebut telah disertai semua pelajar dari semua program.

Pihak Al-Ikhsan juga telah datang untuk mengadakan *talk* dan seminar di Kolej Komuniti Temerloh.

CREW

UNIT KEUSAHAWANAN KKTMM
2018



UYA RUSSEL ENTERPRISE & SHARNZ ENTERPRISE





Pada 8 September 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah mengadakan kursus *Internet Marketing Strategy 2018* peringkat Kolej komuniti Temerloh. Program tersebut telah disertai oleh 8 orang pelajar Kolej Komuniti Temerloh.



Pada 12 September 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah mengadakan *CCIC Awareness Programme* tahun 2018 peringkat negeri Pahang. Program tersebut telah disertai oleh 10 buah kolej komuniti negeri Pahang yang diwakili oleh 4 orang pelajar inkubator kolej komuniti masing-masing.



Pada 20 sehingga 22 April 2018, Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Temerloh telah menyertai *Siswapreneur Showcase 2018* peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi. Program tersebut telah disertai oleh 2 orang pelajar Kolej Komuniti Temerloh.

SIDANG REDAKSI MAJALAH USAHA ONE

PENERBIT

UNIT KEUSAHAWANAN KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH
TAMAN BUKIT MENTAKAB, BYPASS BATU 2 JALAN
TEMERLOH, JLN TEMERLOH - MENTAKAB, MENTAKAB,
28400 MENTAKAB, PAHANG

PENAUNG

SUHAIRI BIN ISMAIL

KETUA EDITOR

NUR ANGRANI BINTI NURJA

EDITOR

NURUL AINI BINTI ABDUL GHANI

JAWATANKUASA REDAKSI

MOHD NOOR HAFIZ BIN SAWANDI
AMIERA SARYATI BINTI SADUN
NOR HAWA BINTI HARUN
FARADILA BINTI YUSZANI

PENULIS

RABEAH BINTI MD ZIN



THE POWER OF 'PERSONAL BRANDING 2018'